



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

# BORANG PERSETUJUAN SUNITIKAN VAKSIN COVID-19

## (UNTUK KANAK-KANAK DI BAWAH UMUR 18 TAHUN)

Vaksin COVID-19 diberi bagi mengawal penularan COVID-19 di negara ini. Apabila semakin ramai orang mendapat vaksinasi, semakin ramai penduduk membentuk antibodi dan seterusnya mengurangkan kebarangkalian kejadian penyakit COVID-19 yang lebih teruk. Secara tidak langsung kita boleh melindungi golongan berisiko yang tidak layak menerima suntikan vaksin.

Majlis Mesyuarat Khas Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam yang bersidang pada 3 Disember 2020 mengambil ketetapan bahawa hukum penggunaan vaksin Covid-19 adalah harus dan wajib diambil oleh golongan yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Suntikan Vaksin COVID-19 ada yang memerlukan satu (1) atau (2) dos bergantung kepada jenis vaksin. Suntikan ini kebiasaannya diberi pada otot bahu kecuali dalam keadaan tertentu. Jenis vaksin yang diberikan bergantung kepada bekalan vaksin semasa.

Pengambilan Vaksin COVID-19 ini juga mungkin akan mengakibatkan kesan sampingan yang ringan dan kesan sampingan lain yang akan dilaporkan dari semasa ke semasa.

Dalam Borang ini, terma "kanak-kanak" adalah merujuk kepada seseorang yang berumur di bawah 18 tahun.

### SEJARAH KESIHATAN (Sila Lengkapkan)

Adakah kanak-kanak :

- a. Mengalami kesan sampingan teruk (seperti sawan, pengsan dan kemasukan ke hospital) selepas mendapat mana-mana imunisasi sebelum ini?      YA  TIDAK
- b. Pernah mempunyai sejarah alahan teruk?      YA  TIDAK

- c. Sedang hamil atau bercadang untuk hamil?      YA  TIDAK
- d. Sedang menyusukan bayi?      YA  TIDAK

Saya yang memberi persetujuan di bawah telah membaca/ dibacakan tentang maklumat vaksin COVID-19 serta tujuan dan kaedah pemberian suntikan vaksin tersebut seperti mana di helaian Maklumat Vaksin COVID-19 bagi Penerima Vaksin.

Dengan ini, saya memahami bahawa:

1. Pengambilan vaksin COVID-19 ini mungkin akan menimbulkan reaksi serta kesan sampingan terhadap kanak-kanak seperti yang dinyatakan di dalam maklumat vaksin;
2. Saya bertanggungjawab ke atas risiko yang mungkin berlaku kepada kanak-kanak akibat keputusan / tindakan saya ini kerana manfaat vaksin adalah jauh lebih baik daripada kesan sampingannya;
3. Vaksin ini tidak memberi jaminan sepenuhnya kepada kanak-kanak daripada tidak mendapat jangkitan COVID-19 pada masa akan datang;
4. Dengan menandatangani persetujuan menerima vaksin COVID-19 ini, saya bersetuju dengan rela hati untuk kanak-kanak menerima dan melengkapkan jumlah pengambilan dos vaksin seperti yang dijadualkan.

### PERSETUJUAN PENERIMAAN VAKSIN

Saya, ..... (\*Ibu/ bapa/ penjaga) No.K.P/ Polis/ Tentera/ No. Pengenalan Diri..... \*BERSETUJU / TIDAK  
BERSETUJU untuk kanak-kanak bernama ..... No. MyKid/ No K.P/ No. Pengenalan Diri ..... mendapatkan suntikan Vaksin COVID-19 ..... dan sebarang intervensi sekiranya perlu.

**Tandatangan \*ibu bapa / penjaga**

**Tandatangan Saksi**

Nama :  
No. Kad Pengenalan :  
Tarikh :  
Hubungan dengan  
kanak-kanak :  
.....

Nama :  
No. Kad Pengenalan :  
Tarikh :  
.....

\*potong yang tidak berkenaan

**Nota penting:** Rujuk maklumat lanjut mengenai Vaksin COVID-19 di helaian Maklumat Vaksin COVID-19 bagi Penerima Vaksin.

**Terima kasih atas kerjasama yang diberi.**